

KAUM IBU DALAM PARTI POLITIK USNO (1961-1976): PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN DARI ASPEK PENDIDIKAN

Kaum Ibu in The USNO Political Party (1961-1976): Involvement and Contribution from the Aspect of Education

Rohadatul 'Aisy¹

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400, Kota Kinabalu, Sabah*

¹ *Rohadatul11@gmail.com*

Dihantar: 24 Mei 2024 / Diterima: 11 Sept 2024 / Terbit: 31 Disember 2024

Abstrak

Artikel mengupas tentang penglibatan Kaum Ibu dalam parti politik Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) dan sumbangannya dalam segi pendidikan. Pergerakan awal wanita dalam bidang politik di Sabah secara jelas memperlihatkan suatu gambaran yang kurang menyerlah. Hal ini kerana wanita dalam masyarakat tradisional acap kali dilihat sebagai pembantu suami yang hanya akan menjalankan tugas mereka di rumah. Malah, stigma "wanita hanya di dapur sahaja" dan "wanita disifatkan sebagai lemah" merupakan satu bentuk gambaran tradisional. Tetapi dalam konteks parti USNO, Kaum Ibu turut dianggap sebagai nadi perjuangan parti USNO yang banyak memberi sumbangan pembangunan sosioekonomi khususnya daripada aspek pendidikan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dalam menghurai sumbangan kaum ini. Hasil kajian mendapati, usaha yang telah dilakukan oleh Kaum Ibu USNO khususnya daripada aspek pendidikan telah membantu meningkatkan dan mengubah pola pemikiran tradisional masyarakat Sabah khususnya untuk terlibat secara aktif dalam proses pembangunan sosioekonomi Sabah.

Kata Kunci: Kaum Ibu, Parti Politik USNO, Pendidikan

Abstract

The article examines the involvement of Kaum Ibu in the United Sabah National Organisation (USNO) political party and its contribution in terms of education. The early movement of women in the political field in

Sabah clearly shows a less prominent picture. This is because women in traditional society are often seen as husband's helpers who will only carry out their duties at home. In fact, the stigma of "women are only in the kitchen" and "women are considered weak" is a form of traditional image. But in the context of the USNO party, Kaum Ibu is also considered to be the heart of the USNO party's struggle which greatly contributes to socioeconomic development, especially from the aspect of community education. This study uses a historical approach in analyzing the contribution of this race. The results of the study found that the efforts made by USNO Mothers, especially from the educational aspect, have helped to improve and change the traditional mindset of the Sabahan community, especially to be actively involved in the process of Sabah's socioeconomic development.

Keywords: Kaum Ibu, *USNO Political Party*, *Education*

Pengenalan

Pergerakan awal wanita dalam bidang politik memperlihatkan suatu gambaran yang kurang menyerlah. Hal ini kerana wanita dalam masyarakat tradisional acap kali dilihat sebagai pembantu suami yang hanya akan menjalankan tugas mereka di rumah. Stigma "wanita hanya di dapur sahaja" dan "wanita disifatkan sebagai lemah" merupakan satu bentuk gambaran yang mencerminkan adat resam, kepercayaan dan sistem nilai dalam masyarakat yang menunjukkan peranan kaum wanita hanya terbatas kepada tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu sahaja. Memang tidak dinafikan, pembabitan wanita dalam arena politik kurang menonjol berbanding lelaki. Hal ini disebabkan faktor masyarakat kurang yakin dengan kebolehan dan keupayaan golongan wanita untuk memimpin dan mentadbir sesebuah persatuan. Malah, wujud persepsi yang beranggapan bahawa seseorang pemimpin haruslah seorang lelaki kerana lebih agresif, bercita-cita tinggi berdaya saing dan mampu memenuhi kehendak pelanggan sedangkan kaum wanita dilihat lebih kepada seseorang yang penuh kasih sayang, lemah lembut dan bersifat lebih mesra serta menjadi pengikut (Ragins, 1991: 260). Bukan itu sahaja, lelaki lebih gemar menggunakan kuasanya untuk mencapai sesuatu perkara daripada menggunakan jawatannya. Misalnya, konsep *Power Over* jika dibandingkan dengan ciri wanita yang berkonsepkan kepada *Power With* (Brunner dan Schumakker, 26(1), hlm. 34.). Begitu juga penglibatan wanita dalam politik, pada hakikatnya kaum wanita kurang menonjol dan aktif dalam bidang politik pada ketika

itu. Masyarakat menganggap lelaki sahaja yang boleh menceburkan diri dalam persatuan politik dan keterlibatan kaum wanita ini pada dasarnya belum diakui kerana masyarakat khususnya wanita tidak terdedah dengan hak bersuara sebagai wanita. Oleh sebab itulah, penglibatan awal wanita kurang menyerlah. Tegasnya, kesahan politik wanita boleh dicapai sekiranya mereka mempunyai kedudukan yang berautoriti iaitu sah di sisi undang-undang dan mesti diterima oleh semua pihak (Aminudin dan Mohd Ali, 1998: 115). Tetapi pada satu sisi khususnya dari aspek pembangunan politik, penglibatan wanita tidak wajar diketepikan kerana mereka merupakan sebahagian dalam daripada sistem politik yang sedia ada. Partisipasi mereka amat diperlukan kerana ia menjelaskan kesedaran politik wanita dalam menangani isu yang berkaitan dengan mereka.

Dalam konteks negeri Sabah khususnya dari segi politik, pergerakan awal kaum wanita dalam persatuan sosiobudaya dan parti-parti politik seperti UNKO dan USNO telah merencanakan lagi penglibatan kaum wanita untuk bertemu dan bertukar-tukar idea serta pendapat di samping membantu menyebarkan maklumat aktiviti parti, bantuan tenaga, kebajikan dan suara isu wanita. Tidak dapat dinafikan, penubuhan Pergerakan Kaum Ibu USNO merupakan salah satu pergerakan persatuan politik utama yang begitu aktif pada ketika itu kerana ketua Kaum Ibu USNO pada ketika itu amat berpengaruh dan aspek kepimpinan yang dipertontonkan oleh beliau serta usaha untuk membantu kaum wanita di Sabah agar tidak membatasi pemikiran mereka dengan stigma masyarakat tradisional telah menyebabkan pergerakan Kaum Ibu USNO diterima oleh wanita-wanita di Sabah. Pergerakan Kaum Ibu USNO ini telah diketuai oleh Toh Puan Hajah Rahma iaitu isteri kepada ketua parti politik USNO. Pergerakan Kaum Ibu USNO banyak dianggotai oleh isteri datuk-datuk, guru-guru dan ahli-ahli wanita biasa. Oleh itu, artikel ini mengupas tentang peranan dan sumbangan Kaum Ibu dalam Parti USNO di (1961-1976).

Pergerakan awal Kaum IBU dalam Parti USNO di Sabah

Di Sabah, pergerakan awal kaum wanita dalam persatuan-persatuan sosiobudaya dan parti-parti politik seperti UNKO dan USNO telah merencanakan lagi penglibatan kaum wanita untuk bertemu dan bertukar-tukar idea serta pendapat di samping membantu menyebarkan maklumat aktiviti parti, dari segi kewangan, dari segi bantuan tenaga

dan dari segi menyuarakan isu-isu kaum wanita dan kebajikan masyarakat. Tidak dapat dinafikan, penubuhan Pergerakan Kaum Ibu USNO merupakan salah satu pergerakan persatuan politik utama yang begitu aktif pada ketika itu kerana ketua Kaum Ibu USNO pada ketika itu amat berpengaruh dan aspek kepimpinan yang dipertontonkan oleh beliau serta usaha untuk membantu kaum wanita di Sabah agar tidak membatasi pemikiran mereka dengan stigma masyarakat tradisional telah menyebabkan pergerakan Kaum Ibu USNO diterima oleh wanitawanita di Sabah. Pergerakan Kaum Ibu USNO ini telah diketuai oleh Toh Puan Hajah Rahma iaitu isteri kepada ketua parti politik USNO. Pergerakan Kaum Ibu USNO banyak dianggotai oleh isteri datuk-datuk, guru-guru dan ahli-ahli wanita biasa (Siti Aidah, 2017: 38).

Dalam pada itu, penubuhan Pergerakan Kaum Ibu USNO mempunyai persamaan dengan tarikh penubuhan parti politik USNO iaitu pada 23 Disember 1961. Pergerakan Kaum Ibu USNO ditubuhkan lebih awal berbanding penubuhan Pergerakan Pemuda USNO iaitu semasa Kongres USNO pertama di Kudat (Ruji Ubi, 1995: 40). Pergerakan Kaum Ibu USNO juga telah ditubuhkan mengikut Fasal (24) Undang-undang Tubuh USNO yang mana Majlis Tertinggi USNO telah merangka Undang-undang Tubuh Pergerakan Kaum Ibu yang berasingan seperti yang telah diperuntukkan dalam Undang-undang Tubuh USNO (Undang-Undang Tubuh USNO, Fasal 24, No. 2). Maka dengan itu, USNO telah menghantar surat permohonan kepada pendaftar pertubuhan untuk mendapatkan kelulusan Undang-undang Tubuh Pergerakan Kaum Ibu USNO pada 13 Febuari 1963. Permohonan penubuhan tersebut telah diluluskan oleh Pihak Pendaftar pertubuhan pada 16 Februari 1963 yang mana Pergerakan Kaum Ibu USNO tersebut perlu menunggu maklum balas selama 3 hari (Ruji Ubi, 1995: 54). Justeru itu, kepimpinan yang ditonjolkan oleh Toh Puan Hajah Rahma dalam memperjuangkan kaum wanita di Sabah telah menyuntik semangat kaum wanita di Sabah untuk menyertai persatuan politik (Siti Aidah, 2017: 40).

*Kaum Ibu dalam Parit Politik USNO (1961-1976):
Penglibatan dan Sumbangan dari Aspek Pendidikan*



Foto 1: Toh Puan Rahma

Sumber: The Kinabalu Sabah Times (1969)

Pendekatan yang dilakukan oleh beliau untuk mengajak kaum wanita bagi menyertai Pergerakan Kaum Ibu USNO adalah dengan memberikan penerangan tentang kepentingan wanita dalam berpolitik, menerangkan keupayaan dan peranan wanita dalam menjadi tulang belakang bagi parti politik USNO sekali gus mematahkan pemikiran tradisional yang membelenggu kaum wanita selama ini. Dalam erti kata lain, pergerakan awal wanita dalam parti politik USNO ini telah dicetus oleh Toh Puan Hajah Rahma yang mana beliau turut serta dalam Pehimpunan Agung USNO yang berlangsung pada 23 dan 24 Disember 1961 di Pekan Kudat (Ruji Ubi, 1995: 60). Idea beliau dalam penubuhan Pergerakan Kaum Ibu USNO ini adalah disebabkan oleh kesedaran beliau tentang pentingnya hak-hak wanita dan peranan wanita dalam politik di samping berdiri sejajar dengan kaum lelaki. Dalam pada itu, tujuan utama penubuhan Pergerakan Kaum Ibu USNO ini lebih menjurus kepada aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan (The Kinabalu Sabah Times, 8 Mac 1969:3).

Sumbangan Kaum Ibu dari Aspek Pendidikan

Dalam konteks, selepas Perang Dunia Kedua, masih belum ada suara-suara kaum wanita di Sabah yang mahu memperjuangkan kepentingan dan kemajuan mereka apatah lagi usaha untuk menubuhkan persatuan yang memfokuskan kepada kaum wanita. Situasi ini disebabkan oleh kemunduran dalam bidang pendidikan yang dihadapi oleh kaum wanita. Misalnya, pada tahun 1931, telah mencatatkan sebanyak 99.77 peratus wanita khususnya peribumi Sabah mengalami buta huruf (*Female Education of Nativite Girls 1936-1941*). Keciciran wanita di Sabah dalam bidang pendidikan menyebabkan mereka lewat untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial seperti aktiviti persatuan dikatakan agak lambat jika dibandingkan dengan perkembangan yang dihadapi oleh kaum wanita di Semenanjung Malaysia.

Oleh itu, salah satu matlamat kaum Ibu USNO adalah dari aspek pendidikan. Kaum ini sering bergerak aktif rakyat Sabah untuk menimba ilmu pengetahuan kerana bagi mereka ilmu pengetahuan itu amat penting dalam kehidupan seseorang. Setiap kalimat yang diutarakan oleh Kaum Ibu USNO tidak lekang menyebut tentang pentingnya ilmu pengetahuan. Sebagai contoh, sumbangan Kaum Ibu USNO Cawangan Kampung Ayer Sembulan Baru yang telah menyediakan kemudahan pembelajaran untuk menggalakkan kaum wanita untuk belajar. Kaum Ibu USNO Kampung Ayer Sembulan Baru ini telah memberikan tugas kepada Rosni bte Idris yang merupakan seorang guru untuk membasmi buta huruf dalam kalangan kaum-kaum Ibu yang terdiri dari ahli-ahli USNO Cawangan Kg. Ayer Sembulan Baru. Dalam pada itu, Puan Rosni bte Idris telah menjalankan kewajibannya sebagai seorang guru untuk mengajar mereka supaya pandai membaca dan menulis yang bertempat di rumah Puan Noorkiah Abdullah. Langkah dan semangat yang dilakukan oleh Kaum Ibu USNO Cawangan Kg. Ayer Sembulan Baru ini telah dijadikan contoh sebagai salah satu usaha untuk membasmi sedikit sebanyak penyakit buta huruf dalam kalangan kaum ibu dan bapa khususnya ahli-ahli USNO amnya. Bahkan, ianya bukan sahaja memberi keuntungan kepada ahli-ahlinya namun turut menyumbangkan bakti dan nilai yang tinggi kepada masyarakat (*Daily Express*, 15 Mei 1963).

Di samping itu, Ketua Pergerakan Kaum Ibu USNO, Toh Puan Rahma, telah menyumbangkan sebuah bas sekolah bagi memudahkan para pelajar pergi ke sekolah. Beliau telah membeli sebuah bas yang boleh memuatkan sebanyak 45 orang untuk membawa kanak-kanak pergi ke sekolah di sekitar Kota Kinabalu, usaha ini adalah untuk

*Kaum Ibu dalam Parit Politik USNO (1961-1976):
Penglibatan dan Sumbangan dari Aspek Pendidikan*

membantu ibu bapa yang tidak berkemampuan membayar tambang bas sekolah. Toh Puan Rahma turut menyatakan bahawa sebagai permulaan, bas tersebut akan memfokuskan terlebih dahulu kepada pelajar sekolah rendah di beberapa kawasan seperti Sembulan, Tanjung Aru, dan Kepayan. Namun demikian, sekiranya terdapat pelajar yang tidak mampu untuk membayar pengangkutan, pelajar tersebut diarahkan untuk berhubung dengan guru besar masing-masing atau Pengarah Yayasan Sabah bagi menyelesaikan masalah tersebut. Selain itu, bas tersebut juga akan membawa pelajar Kolej Gaya dan Kolej Sabah untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Sembulan (*Sabah Times*, 17 Februari 1968)

Tidak ketinggalan juga, Kaum Ibu USNO Cawangan Tawau telah membuka peluang kepada Kaum Ibu supaya mendaftarkan diri untuk memasuki kelas-kelas Pelajaran Dewasa dengan segera. Seruan tersebut dibuat pada hari Isnin ketika menyampaikan sijil kepada penuntut-penuntut Kelas Pelajaran Dewasa yang telah berjaya menghabiskan kelas tersebut. Puan Zainah Kamidin selaku Pengerusi Kaum Ibu USNO Cawangan Tawau telah menegaskan bahawa Kerajaan Pusat dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan telah memberikan peluang yang baik kepada Kaum Ibu USNO untuk membolehkan penduduk luar bandar memperolehi pendidikan. Beliau juga turut memberi peringatan kepada Kaum Ibu USNO supaya menghadirkan diri dalam kelas-kelas tersebut yang mana mereka bukan sahaja memperolehi ilmu pelajaran tetapi juga membantu memajukan negara dengan lebih pesat. Seruan ini telah mendapat sambutan yang baik kerana lebih 1000 orang dewasa di daerah Semporna telah lulus peperiksaan Kelas Pelajaran Dewasa yang dianjurkan di Sabah sejak tahun 1965 oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar Malaysia. Tidak dapat dinafikan, seramai 560 orang wanita turut mendaftarkan diri untuk memasuki Kelas Pelajaran Dewasa pada tahun 1969 selepas seruan ini bergema di bumi Tawau (*The Kinabalu Sabah Times*, 21 Februari 1969).



Foto 2: Kaum Ibu USNO Sedang Membuat Kerja-Kerja Latihan
Sumber: The Kinabalu Sabah Times (1971)

Tidak terhenti di situ, kursus Urusan Rumah Tangga (URUT) dan latihan dalam bidang ekonomi Rumah Tangga turut dianjurkan oleh Kaum Ibu USNO. Kursus URUT dan latihan ini telah diadakan di Rumah USIA, Kampung Khamis pada 1 November 1971. Kursus URUT ini dianjurkan oleh Jabatan Pertanian dan dikelolakan oleh Pergerakan Kaum Ibu USNO bahagian Lahad Datu yang telah diusahakan oleh Puan Saliah Salam selaku Setiausaha Kaum Ibu USNO Bahagian Lahad Datu. Para peserta akan dibimbing oleh tiga orang guru dari Jabatan tersebut iaitu Rose Indip, Norzie Bahwanie dan Atinah Sarun. Objektif akhir yang diadakan ini, mereka akan diuji dengan ilmu yang telah diajarkan oleh setiap Kaum Ibu USNO serta akan diberikan sijil tamat latihan oleh Jabatan Pertanian. Kursus ini memperlihatkan sambutan yang baik kerana seramai 60 orang kaum ibu telah mengikuti kursus tersebut. Ini dapat diakui melalui kenyataan Penolong Pegawai Pertanian iaitu Hamalol Wahid yang mana beliau telah memberikan pujian kepada Kaum Ibu USNO di daerah Lahad Datu ini kerana mereka telah bersungguh-sungguh menunjukkan kebolehan mereka untuk menyahut seruan Kerajaan. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Pergerakan Kaum Ibu USNO bahagian Lahad Datu kerana telah berkerjasama dan berusaha mencari peserta-peserta yang ingin mengikuti kursus tersebut. Tidak dapat dinafikan, usaha yang dilakukan ini telah menyuntik kesedaran dan membuka minda Kaum Ibu USNO supaya tidak hanya memfokuskan kepada kerja-kerja rumah namun turut menitikberatkan soal bidang ekonomi dan pengurusan rumah tangga yang sebenar.



Foto 3: Kaum Ibu USNO Sedang Membincangkan Masalah Pendidikan Anak-Anak

Sumber: The Kinabalu Sabah Times (1973)

Di samping itu, seruan-seruan lantang yang disuarakan oleh Kaum Ibu USNO berkaitan dengan hal-hal pendidikan juga merupakan salah satu sumbangan yang amat penting dalam menyuntik kesedaran dalam kalangan kaum ibu USNO. Ini bertepatan dengan kenyataan Toh Puan Rahma yang mana ibu bapa merupakan salah satu orang penting yang akan mendidik anak-anak mereka supaya berkecimpung dalam dunia pendidikan. Misalnya, Kaum Ibu USNO telah mengadakan satu perbincangan tentang masalah anak-anak dalam dunia pendidikan. Perbincangan itu telah dianjurkan oleh Kaum Ibu USNO Cawangan Sembulan Baru yang bertempat di Rumah Naib Ketua iaitu Puan Noramah Harith serta turut dihadiri oleh empat orang peserta seperti Puan Etum Baggul, Puan Rimba Osman, Puan Masinah Zakaria dan Puan Fatimah Narjoh. Semasa perbincangan tersebut, Puan Etum telah menekankan bahawa segala kejayaan itu, hakikatnya terletak pada pihak ibu bapa. Ini kerana, jika ibu bapa tidak mengambil berat dan tidak bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka maka sudah tentulah itu bukanlah salah pihak guru. Malahan, pihak guru dan kerajaan sentiasa memberi peluang untuk para pelajar melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi dan tidak hanya memfokuskan dalam negeri sahaja di samping mereka juga seringkali memberikan usaha yang terbaik untuk masa hadapan kaum belia. Namun demikian, terdapat sesetengah ibu bapa sengaja mengabaikan dan tidak mengambil berat terhadap anak-anak mereka yang sedang belajar. Puan Etum telah

mensyorkan supaya pihak ibu bapa sentiasa menghubungi pihak guru untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Perbincangan yang diadakan tersebut jelas memperlihatkan bahawa Kaum Ibu USNO amat mementingkan hal-hal pendidikan anak-anak serta menyeru para Ibu bapa supaya tidak berdiam diri sahaja jika ianya melibatkan pendidikan anak-anak.

Selain itu, satu pameran hasil-hasil pertukangan tangan, jahitan dan jenis-jenis masakan telah dipamerkan di Dewan Masyarakat, Tawau pada 7 sehingga 8 September 1974. Pameran tersebut telah dianjurkan bersama oleh Kaum Ibu USNO Cawangan Tanjung Batu Laut dan Jabatan Pertanian Tawau. Sambutan terhadap pameran tersebut amat memuaskan dan menggalakkan yang mana beberapa Cawangan-cawangan Kaum Ibu USNO yang telah mengikuti kursus turut serta dalam pameran tersebut. Sehubungan itu, satu pameran ekonomi Rumah Tangga peringkat negeri yang diketuai oleh Puan Mariah Mahat dan Puan Rukiah Nordin pada 26hb hingga 31hb Julai 1974 yang bertempat di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu telah berjaya merangkul gelaran johan bagi peringkat Negeri.

Tidak ketinggalan juga, Jawatankuasa Pergerakan Kaum Ibu USNO Bahagian Tawau telah menganjurkan satu Kursus Tabiran dan Politik Kaum Ibu USNO Cawangan bertempat di Dewan Sekolah Islamiyah Tawau. Kursus ini dianjurkan khas untuk Ketua-ketua, Naib-naib Ketua, Setiausaha-setiausaha dan Bendahari-bendahari. Tujuan utama Kaum Ibu USNO Bahagian Tawau ini menganjurkan kursus tersebut adalah untuk memperkemaskan pentadbiran Kaum Ibu Cawangan-cawangan di samping menggalakkan penglibatan Kaum Ibu dalam membangunkan masyarakat. Dalam masa kursus yang dijalankan selama 3 hari tersebut, peserta-peserta kursus telah diajar dan dijelaskan cara-cara bermesyuarat dengan betul, berforum dan bengkel.

*Kaum Ibu dalam Parit Politik USNO (1961-1976):
Penglibatan dan Sumbangan dari Aspek Pendidikan*




Foto 4: Kaum Ibu USNO Yang Mengikuti Kursus Kepimpinan
Sumber: Daily Express (1969)

Di samping itu, Kaum Ibu USNO juga tidak ketinggalan untuk mengadakan satu kursus kepimpinan pada 29 Julai 1969 yang bertempat di Pusat Pembangunan Masyarakat, Kota Kinabalu. Kursus kepimpinan ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada kaum wanita berkaitan dengan cara kepimpinan serta melatih kaum wanita supaya mengetahui selok belok pengurusan berkaitan dengan kepimpinan. Kursus ini juga merupakan salah satu petanda bermulanya kaum wanita mengorak langkah untuk memenuhi tugas mereka di samping kaum lelaki. Dalam pada itu, seramai 25 orang kaum wanita telah melibatkan diri dalam kursus kepimpinan tersebut. Oleh itu, kursus kepimpinan yang diadakan ini merupakan salah satu pendedahan kepada Kaum Ibu USNO supaya sentiasa bersiap sedia untuk membantu Pemuda USNO yang mana bukan hanya terbatas dalam bidang perniagaan sahaja namun mereka mampu memberikan pandangan tentang aspek kepimpinan (*Daily Express*, 1 Ogos 1969).

Bukan itu sahaja, mereka juga didedahkan kepada ceramah-ceramah berkaitan dengan pentadbiran, parti, kewangan dan sebagainya. Peserta-peserta itu turut dibawa melawat sambil belajar ke Balai Pertanian dan Jabatan Haiwan, Tawau. Di Balai Pertanian, mereka telah diajar cara-cara pertanian sementara di Jabatan Haiwan pula mereka telah ditunjuk ajar cara-cara membela binatang ternakan

dengan betul dan teratur. Kaum Ibu USNO Bahagian Tawau telah meminta kerjasama daripada Pegawai Pelatih USNO Pusat, Tuan Haji Mohd. Tambi untuk menyelaraskan perjalanan kursus tersebut dengan dibantu oleh beberapa orang daripada Jawatankuasa Kaum Ibu dan Pergerakan Pemuda Bahagian. Bagi menampung perbelanjaan kursus tersebut, Kaum Ibu USNO Bahagian telah meminta kerjasama daripada dermawan-dermawan di daerah Tawau untuk menghulurkan derma dan menjual bunga pada 31 Ogos 1974. Dengan adanya kerjasama dan simpati dari pada dermawan yang sudi menghulurkan derma dan hasil jualan bunga, maka dapatlah menampung perbelanjaan untuk membiayai Kursus Tabiran dan Politik Kaum Ibu USNO Cawangan-cawangan tersebut (Penyata USNO Tahun 1974-1975:189).

Tuntasnya, salah satu matlamat utama kaum Ibu USNO adalah meningkatkan pendidikan wanita dan kanak-kanak di negeri Sabah. Tanggapan ilmu pengetahuan itu amat penting dalam kehidupan seseorang. Setiap kalimat yang diutarakan oleh Kaum Ibu USNO tidak lekang menyebut tentang pentingnya ilmu pengetahuan. Hal ini selaras dengan kenyataan Toh Puan Rahma yang menyatakan bahawa ibu bapa merupakan salah satu orang penting yang akan mendidik anak-anak mereka supaya berkecimpung dalam dunia pendidikan.

Kesimpulan

Pergerakan awal Kaum Ibu dalam parti politik USNO ini dapat dilihat dengan jelas pada tahun 1963 yang mana parti Pergerakan Kaum Ibu USNO ini telah dipimpin dan digerakkan oleh Toh Puan Hajah Rahma yang begitu lantang bersuara untuk membantu pembangunan wanita di Sabah. Keterlibatan Toh Puan Hajah Rahma telah membuka ruang dengan lebih luas untuk wanita-wanita di Sabah berkecimpung dalam persatuan-persatuan politik. Tidak dapat dinafikan, pergerakan beliau dalam menggerakkan Kaum Ibu USNO telah merancakkan lagi keterlibatan wanita di bumi Sabah untuk menyertai Pergerakan Kaum Ibu USNO. Walaupun pada hakikatnya, penglibatan wanita di Sabah dalam persatuan-persatuan politik ini agak lambat berbanding dengan Semenanjung Tanah Melayu dan seangkatan dengannya namun ianya tidak memberi kesan kepada wanita di Sabah untuk turut serta dalam arena politik di Sabah. Oleh itu, pergerakan awal Kaum Ibu USNO ini semakin rancak ketika negeri Sabah mencapai kemerdekaan.

*Kaum Ibu dalam Parit Politik USNO (1961-1976):
Penglibatan dan Sumbangan dari Aspek Pendidikan*

Tuntasnya, salah satu matlamat utama kaum Ibu USNO adalah meningkatkan pendidikan wanita dan kanak-kanak di negeri Sabah. Tanggapan ilmu pengetahuan itu amat penting dalam kehidupan seseorang. Setiap kalimat yang diutarakan oleh Kaum Ibu USNO tidak lekang menyebut tentang pentingnya ilmu pengetahuan. Hal ini selaras dengan kenyataan Toh Puan Rahma yang menyatakan bahawa ibu bapa merupakan salah satu orang penting yang akan mendidik anak-anak mereka supaya berkecimpung dalam dunia pendidikan.

Senarai Rujukan

Arkib dan Laporan Kerajaan

- Daily Express. (1963). *Usaha Baharu Cawangan USNO*. 15 Mei 1963.
- Daily Express. (1969). *Kedudukan Mereka Sama Pentingnya Dengan Kaum Lelaki*. 1 Ogos 1969.
- Female Education of Natives Girls 1936-1941. (Mikrofilem)*. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.
- Penyata USNO Tahun 1974-1975. Mengandungi Bersama Penyata Pergerakan Kaum Ibu dan Penyata Bersama Pergerakan Pemuda USNO. (ANS/GP/USNO/T/1/4)
- The Kinabalu Sabah Times. (1969). *Kaum Ibu Di-Seru Supaya Belajar*. 21 Februari 1969.
- The Kinabalu Sabah Times. (1969). *Toh Puan: Women Must Help Bring About Changes*. 8 Mac 1969.
- The Kinabalu Sabah Times. (1971). *60 Orang Kaum Ibu Mengikuti Kursus URUT*. 13 Disember 1971.
- The Kinabalu Sabah Times. (1973). *Pemuda USNO KB Anjor Pesta Muda Mudi*. 23 Ogos 1973.
- The Sabah Times. (1968). *Toh Puan Rahma Donates Bus*. 17 Februari 1968.
- USNO. (1965). Undang-undang Tuboh Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu. Persidangan Perhimpunan Agong USNO Yang Ketiga. 2 Mei 1965.

Buku dan Jurnal

- Aminudin Mohd Yusof dan Mohd Ali Kamarudin. (1998). *Kepimpinan Pemuda UMNO*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brunner, C. Cryss dan Schumakker, Paul. (2005). Power And Gender In The "New View" Public Schools. *Policy Studies Journal*. Vol. 26(1):30-45.

Rohadatul 'Aisy

Ragins, Belle Rose. (1991). Gender Effects In Subordinate Evaluations Of Leaders: Real Or Artifact?. *Journal of Organizational Behavior*. Vol.12: 259-268.

Ruji Ubi. (1995). USNO: *Penubuhan dan Peranannya dalam Politik Sabah (1961-1976)*. *Disertasi Ijazah Sarjana*. Jabatan Sejarah Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.

Siti Aidah Hj. Lukin @ Lokin. (2017). *Peranan Pertubuhan Sukarela Wanita dalam Pembangunan Wanita di Sabah, 1963-2003*. *Disertasi Ijazah Sarjana Sastera*. Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.